



مئنٲري قنراغن كو موئيكاسي دان كبوڊايان مليسيا

MENTERI PENERANGAN KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA
MINISTER OF INFORMATION COMMUNICATIONS AND CULTURE MALAYSIA


ARAHAN MENTERI NO 2 TAHUN 2010

Selaras dengan kuasa-kuasa khas dan am Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM) berikut diperturunkan perkara-perkara yang memerlukan tindakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan segera dan maklum balasnya dimaklumkan kembali kepada Menteri:

1. Memperhalusi cadangan kaedah mengurangkan kos perkhidmatan telekomunikasi terutamanya perkhidmatan jalur lebar dan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi 'HSBB' secara 'end-to-end' dengan kadar segera.
2. Melaksanakan Arahan Menteri bagi menurunkan kos kadar sambungtara mudah alih 'Mobile Interconnection Rates' kepada 3 sen untuk talian tetap ke telefon mudah alih atau sebaliknya.
3. Menurunkan kos kadar tamatan kabel antarabangsa 'International Cable Termination Rate' supaya kos telekomunikasi terutamanya kos jalur lebar dapat diturunkan.
4. Membekalkan komputer riba yang berkeupayaan untuk sambungan WIFI dan WIMAX dengan harga kurang daripada RM1,000 seunit untuk program pengagihan 1 juta unit komputer riba demi meningkatkan kadar penembusan jalur lebar.
5. Memberi peluang yang adil dan saksama kepada semua pihak termasuk jenama IDOLA, hasil Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi , dan menamakan semua komputer riba ini dengan jenama 'Komputer 1Malaysia'.
6. Mengadakan perundingan dengan pihak ASTRO agar dapat mengadakan penyiaran radio ke kawasan-kawasan di negeri Sabah dan Sarawak melalui teknologi pemancaran satelit.

7. Melaksanakan sistem perkhidmatan sekatan telefon bimbit yang telah hilang atau dicuri seperti Penentuan Menteri No.1, Tahun 2010 dengan (i) memastikan kos pelaksanaan yang tidak terlalu tinggi, (ii) semua penjual telefon bimbit perlu didaftarkan dan butiran peribadi pelanggan mestilah disahkan dengan tepat; (iii) dan penguatkuasaan mestilah dipertingkatkan.
8. Mengkaji semula keberkesanan e-kiosk yang dicadangkan untuk bekalan di mukim-mukim dalam konteks bekalan berkesan untuk rakyat.
9. Menggubal peraturan penggunaan dana Pemberi Perkhidmatan Universal (USP) supaya SKMM berkuasa menentukan harga 'benchmark' di dalam kerja-kerja skim 'clawback' syarikat-syarikat telekomunikasi.

Sila daftarkan arahan-arahan ini dan kemukakan maklum balas darihal kemajuan perkara-perkara di atas dari masa ke semasa.



DATO' SERI UTAMA DR. RAIS YATIM

Tarikh: 28 April 2010

s.k. *YBhg. Datuk Wira Kamaruddin Siaraf*
Ketua Setiausaha
Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan

YBhg. Dato' Dr. Mohd Ali Mohamad Nor
Timbalan Ketua Setiausaha (Komunikasi)
Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan